




KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH

A. LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 196 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 34,478 kes. Dua (2) kes kematian dicatatkan iaitu masing-masing satu (1) di Daerah Tawau dan Sandakan. Takziah kepada keluarga yang terlibat.
- 2 Pada hari ini, seramai 266 pesakit COVID-19 telah discaj / sembuh dari hospital menjadikan jumlah kumulatif sembuh 31,887 orang. Sejumlah 1,925 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 609 orang di hospital dan 1,316 orang di PKRC. Bilangan pesakit COVID-19 dalam ICU ialah 60 orang dan 14 orang pula memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).
- 3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Kudat berubah dari zon merah ke zon jingga, manakala Daerah Ranau berubah dari zon kuning ke zon jingga.

- 4 Terdapat satu (1) kluster baharu dilaporkan di Daerah Kota Kinabalu iaitu Kluster Estate Maju sebanyak 18 kes menjadikan jumlah kumulatif 28 kes. Kluster ini dikesan melalui saringan kontak rapat dan saringan pekerjaan di sebuah kilang pemprosesan makanan haiwan.
- 5 Daripada 196 kes positif COVID-19 yang dicatatkan, sebanyak 86 kes (43.9%) adalah berpunca dari saringan kontak rapat, saringan kluster baharu dan kluster-kluster sedia ada 49 kes (25%), saringan bergejala 46 kes (23.4%) dan 15 kes (7.7%) adalah dari lain-lain kategori.
- 6 Jumlah kapasiti katil di Hospital COVID-19 adalah sebanyak 966 unit. Sementara, di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) adalah 5,416 unit menjadikan jumlah keseluruhan 6,382 unit. Peratus penggunaan katil pada hari ini adalah 30.16%.

B. BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)

Sehingga hari ini, sebanyak **301,327** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan sasaran.

C. BANTUAN LOGISTIK

- 1 Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri mempunyai 239 buah kenderaan yang sedia digunakan bagi tujuan bantuan logistik COVID-19.
- 2 Daripada jumlah tersebut, sebanyak 21 buah kenderaan digunakan untuk mengangkut pesakit COVID-19, manakala 15 buah kenderaan digunakan untuk menghantar bakul makanan ke lokasi sasaran. Baki 203 kenderaan pelbagai jenis bersedia digerakkan jika perlu.

D. KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKPB pada hari ini ialah **97.98%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

| BIL | DAERAH | PERATUS |
|------------|---------------|----------------|
| 1 | Kinabatangan | 99% |
| 2 | Sipitang | 99% |
| 3 | Kota Belud | 99% |
| 4 | Kota Kinabalu | 99% |
| 5 | Kudat | 98.5% |
| 6 | Beaufort | 98.5% |
| 7 | Kunak | 98.5% |
| 8 | Semporna | 98% |
| 9 | Ranau | 98% |
| 10 | Penampang | 98% |
| 11 | Papar | 98% |
| 12 | Kota Marudu | 98% |
| 13 | Beluran | 98% |
| 14 | Sandakan | 98% |
| 15 | Lahad Datu | 97% |
| 16 | Tuaran | 97% |
| 17 | Keningau | 97% |
| 18 | Tenom | 97% |
| 19 | Tawau | 97% |

- 2 Orang ramai dinasihatkan untuk terus patuhi SOP dan arahan yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa tempatan ketika mengunjungi tempat tumpuan awam seperti pasar raya dan pasar awam bagi membendung penularan pandemik COVID-19.
- 3 Pihak PDRM juga akan terus melaksanakan pemantauan dan tindakan tegas akan diambil terhadap mereka yang ingkar pada SOP yang sedang berkuat kuasa.

E. LAPORAN SANITASI DAN HEBAHAN UMUM *INFO ON WHEELS* (IOW)

- 1 Jabatan Bomba dan Penyelamat Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di tiga (3) premis di tiga (3) Daerah iaitu Tawau, Kinabatangan dan Kota Kinabalu.
- 2 Hebahan umum *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah mengenai pematuhan SOP, amalkan 3W, elakkan 3C dan pembudayaan norma baharu telah dilaksanakan di 25 lokasi di empat (4) daerah.

Masyarakat dinasihatkan untuk menjalani ujian saringan dengan kadar segera sekiranya mempunyai kontak rapat dengan individu yang disahkan positif COVID-19.

Bersama-sama kita putuskan rantaian COVID-19 dengan mengamalkan norma baharu dalam kehidupan seharian demi kesejahteraan diri, keluarga serta masyarakat.

#kitajagakita #normabaharu

Sekian.

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN**

MENTERI KEWANGAN II

20 Disember 2020